



Bank Pilihan Anda

## SIARAN MEDIA

### **BANK RAKYAT PERKENAL KADAR PEMBIAYAAN TERENDAH DI PASARAN UNTUK KENDERAAN BERTEKNOLOGI HIJAU BAHARU**

***\*EMBARGO SEHINGGA SABTU 16 MEI 2026, 12 TENGAH HARI***

- *KADAR PEMBIAYAAN SERENDAH 1.88% SETAHUN BAGI PELBAGAI KENDERAAN BERTEKNOLOGI HIJAU BAHARU SEPERTI BEV, HEV, PHEV DAN MHEV*
- *KOMITMEN BANK MEMBANTU MASYARAKAT MENGHADAPI KESAN PERUBAHAN PERSEKITARAN EKONOMI MENCABAR*
- *ASPIRASI BANK MENYOKONG PERALIHAN TENAGA KE ARAH EKONOMI RENDAH KARBON*

**KUALA LUMPUR, 16 MEI 2026** – Bank Rakyat hari ini memperkenalkan pakej pembiayaan eksklusif bagi pemilikan kenderaan elektrik bateri (BEV), kenderaan hibrid elektrik (HEV), kenderaan elektrik hibrid plug-in (PHEV) dan lain-lain kenderaan hibrid seperti kenderaan elektrik hibrid ringan (MHEV) baharu, dengan menawarkan kadar keuntungan paling kompetitif dan terendah di pasaran ketika ini. Langkah strategik ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan Bank dalam membantu masyarakat menghadapi kesan perubahan persekitaran ekonomi yang mencabar termasuk ketidaktentuan bekalan tenaga, selain menyokong agenda kelestarian negara, menggalakkan penggunaan mobiliti hijau di Malaysia serta memperluaskan akses masyarakat kepada pengangkutan mampan.

Pakej pembiayaan istimewa ini direka khusus untuk memudahkan masyarakat Malaysia beralih kepada kenderaan mesra alam dengan komitmen kewangan yang lebih ringan. Melalui tawaran ini, pelanggan kini dapat menikmati kadar keuntungan tetap yang



Bank Pilihan Anda

menarik, serendah **1.88% setahun** bagi pembelian kenderaan berteknologi hijau baharu terpilih, menjadikannya antara tawaran paling kompetitif dalam industri perbankan tempatan lain. Tawaran ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia, termasuk kakitangan sektor awam, swasta serta individu yang bekerja sendiri.

Selain itu, tawaran pembiayaan kenderaan berteknologi hijau Bank Rakyat ini menawarkan pelbagai manfaat kepada pelanggan termasuk:

- **Kadar Terendah di Pasaran:** Kadar keuntungan yang sangat kompetitif bagi membantu mengurangkan komitmen bulanan pelanggan.
- **Margin Pembiayaan Kompetitif:** Pembiayaan sehingga **100%** bagi pelanggan yang layak.
- **Tempoh pembiayaan** sehingga **9 tahun**.
- **Proses Kelulusan Segera:** Proses permohonan yang mudah, pantas dan efisien bagi memudahkan pelanggan membawa pulang kenderaan pilihan mereka.
- **Manfaat Tambahan:** Potongan istimewa bagi produk takaful kenderaan terpilih.

Pengenalan pakej ini mencerminkan komitmen Bank dalam menyediakan penyelesaian kewangan yang relevan, progresif dan memberi nilai tambah kepada masyarakat.

“Sebagai institusi kewangan yang sentiasa mendahulukan keperluan masyarakat, Bank Rakyat mahu membantu lebih ramai pelanggan memiliki kenderaan berteknologi hijau melalui pembiayaan yang lebih kompetitif. Bank juga melihat bahawa permintaan terhadap kenderaan berteknologi hijau semakin meningkat sejajar dengan penjimatan kos jangka panjang. Dengan menawarkan kadar terendah di pasaran, Bank Rakyat ingin memastikan pemilikan kenderaan berteknologi hijau bukan lagi satu kemewahan, tetapi pilihan yang mampu milik bagi semua lapisan masyarakat,” menurut Bank Rakyat.



Bank Pilihan Anda

Tawaran inisiatif bagi pembiayaan kenderaan berteknologi hijau baharu ini juga mencerminkan aspirasi Bank untuk menjadi peneraju dalam pembiayaan lestari dan menyokong peralihan tenaga ke arah ekonomi rendah karbon.

“Selain daripada kesedaran masyarakat terhadap kelestarian alam sekitar, inisiatif ini turut menjadi sebahagian daripada strategi jangka panjang Bank untuk memperluaskan portfolio pembiayaan hijau dan mempercepatkan transformasi ke arah perbankan mampan,” tambah Bank Rakyat.

Terdahulu, Bank Rakyat telah menjadi antara institusi kewangan terawal yang menyediakan kemudahan pengecas EV di premisnya. Bank Rakyat baru-baru ini menyediakan 20 kemudahan stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) di Menara Berkembar Bank Rakyat, Jalan Rakyat, hasil kerjasama dengan penyedia penyelesaian tenaga lestari, Cenergi SEA Berhad dan Recharge Xolutions.

Pelanggan yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut di mana-mana Pusat Pembiayaan Auto (AFC) atau cawangan Bank Rakyat berdekatan atau melalui platform digital Bank Rakyat, selain melayari laman web rasmi Bank Rakyat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian **1-300-80-5454**. Permohonan juga boleh dibuat secara dalam talian melalui platform BRICK dengan hanya mengimbas kod QR BRICK atau layari [brick.bankrakyat.com.my](http://brick.bankrakyat.com.my).

**-TAMAT-**